



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN  
DAN WARISAN MALAYSIA



AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN

*majlis*

# *P*erasmian Kampus **ASWARA**

AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN MALAYSIA


OLEH

YAB DATUK SERI ABDULLAH AHMAD BADAWI  
PERDANA MENTERI MALAYSIA

PADA

9 APRIL 2007, BERSAMAAN 21 RABIULAWAL 1428 H

LG  
396.5  
.A5  
A86  
2007



*...menghala ke hadapan, bersemangat, beradab...*





00032083



LG  
396.5  
A5  
A86  
2007

# *Sekapur Sirih Seulas Pinang*

YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia atas kejayaan melahirkan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) sebagai pengisian kepada misi nasional bagi menjana pembangunan modal insan.

ASWARA sebagai institusi pendidikan seni budaya dan warisan melatih modal insan yang berwibawa, mampu melahirkan insan berbudaya yang menjadi identiti negara mengikut acuan kita sendiri. Saya menyokong hasrat KEKKWA menjadikan ASWARA sebagai institusi pendidikan khas seni budaya dan warisan yang terulung di negara ini.

Hakikatnya, kerajaan berhasrat untuk melahirkan modal insan yang bertaraf dunia dalam semua bidang, termasuklah bidang seni budaya dan warisan. Kita mahu bangsa Malaysia boleh berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa-bangsa lain di dunia. Untuk berada dalam kelompok yang terbilang, warga Malaysia perlu belajar dengan tekun, rajin, penuh iltizam dan sanggup menghadapi segala rintangan dan halangan.

Semoga dengan perasmian Kampus ASWARA ini, pengajian seni budaya dan warisan mampu melonjak ke tahap yang cemerlang. Usaha-usaha untuk melahirkan pensyarah, ahli akademik dan pelajar dari bidang seni budaya dan warisan yang cemerlang hendaklah digandakan.

PERPUSTAKAAN ASWARA



1000033313

**Selamat Maju Jaya**

**DATUK SERI ABDULLAH AHMAD BADAWI**

00032083





# *Seuntai Kata Sekalung Bahasa*

## YB MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN MALAYSIA

Saya melafazkan syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, perasmian Kampus Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) oleh YAB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia dapat disempurnakan. Dengan tersempurnanya perasmian Kampus ASWARA bermulalah sejarah baru pendidikan seni budaya dan warisan tanah air dalam bentuk dan perspektif baru.

ASWARA sebagai kesinambungan Akademi Seni Kebangsaan (ASK) dahulu, akan meneguhkan lagi matlamat mewujudkan modal insan yang dicita-cita melalui asuhan dan amali baru. Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (KEKKWA) yang melatih anak bangsa dalam bidang-bidang seni budaya dan warisan, ia menjadi nadi dan tunjang kepada Bab 23 Buku Dasar Rancangan Malaysia Ke-9. ASWARA akan melahirkan masyarakat berbudaya, berbudi bahasa, berjiwa seni dan kreatif, berhemah dan menggerakkan sahsiah diri dan kehalusan jiwa dalam misi mewujudkan bangsa Malaysia yang luhur.

Dengan perasmian kampusnya, ASWARA haruslah berusaha lebih giat melahirkan modal insan dalam bidang-bidang seni budaya dan warisan yang cemerlang. Modal insan yang bakal dilahirkan melalui asuhan ASWARA perlu berkualiti tinggi, memenuhi keperluan industri kreatif dan industri kandungan negara.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Perdana Menteri Malaysia yang dikasihi di atas kesudian beliau menyempurnakan Perasmian Kampus ASWARA.

**DATUK SERI UTAMA DR. RAIS YATIM**

# *Sebaris Bicara Serangkai Madah*

## KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN MALAYSIA

Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) sebuah agensi di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (KEKKWA) adalah berperanan sebagai institusi pengajian tinggi (IPT) melahirkan modal insan seni budaya dan warisan yang diiktiraf dalam negara, serantau dan antarabangsa.

ASWARA juga perlu berpadu tenaga dengan agensi-agensi lain di bawah KEKKWA seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Perbadanan Kemajuan Perfileman Nasional (FINAS), Istana Budaya, Balai Seni Lukis Negara, Jabatan Muzium Negara dan Perpustakaan Negara Malaysia bagi mencapai visi KEKKWA, iaitu 'ke arah Bangsa Malaysia yang berbudaya luhur'.

Perasmian Kampus ASWARA akan menjadi satu lagi mercu tanda KEKKWA. Tahap pengajian di ASWARA akan dipertingkatkan dari peringkat diploma ke pengajian ijazah dan ini menjadikan ASWARA terus relevan dalam arus pendidikan negara.

Ucapan terima kasih kepada YAB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia dan YB Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia dan semua yang terlibat dalam menjayakan Majlis Perasmian Kampus ASWARA ini.

Wassalam.

**DATO' ZAKIAH AHMAD**



# *Selembat Budi Sehamparan Kasih*

**KETUA PENGARAH  
AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN  
KEBANGSAAN**



Salam dari ASWARA


Seluruh warga Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) merakamkan ucapan setinggi penghargaan kepada YAB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia kerana merestui perasmian Kampus ASWARA ini. Perasmian Kampus ASWARA melambangkan komitmen kerajaan memartabatkan pendidikan seni budaya dan warisan sebagai mercu tanda yang menjadi penjana modal insan untuk membentuk sikap dan membina jatidiri bangsa Malaysia.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada YB Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia yang sentiasa memberikan kepimpinan terbilang dalam merangka arah tuju pembangunan modal insan melalui seni budaya dan warisan di negara ini, khususnya ASWARA. Sokongan dari seluruh warga KEKKWA menjadikan ASWARA lebih berketrampilan.

Dengan sempurnanya perasmian Kampus ASWARA ini, tanggungjawab warganya untuk menjana pendidikan seni budaya dan warisan sebagai pengisian Misi Nasional akan lebih mencabar lagi.

Terima kasih dan senyumlah.

**OMAR BIN AWANG**



# Atur Cara Majlis Perasmian



AKADAMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN

**3.00 petang**

**Ketibaan Para Jemputan**

**3.25 petang**

**Ketibaan Dif-dif Kehormat**

**3.40 petang**

**Ketibaan Yang Berhormat Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim  
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia  
dan Yang Berbahagia Datin Seri Masnah Rais**

**4.00 petang**

**Ketibaan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah  
Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia**



**"NEGARAKU"**



**Bacaan Doa**



**Ucapan Aluan oleh**

**YB Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim**

**Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia**



**Ucapan Perasmian oleh**

**YAB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi**

**Perdana Menteri Malaysia**



**Acara Perasmian**

**Penyampaian Anugerah kepada Graduan Cemerlang ASWARA  
oleh YAB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi**



**Penyampaian Cenderamata kepada YAB Datuk Seri Abdullah  
Ahmad Badawi oleh YB Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim**



**Persembahan Kesenian - Cemerlang, Gemilang, Terbilang.**



**"BUDI BAHASA BUDAYA KITA"**




**Lawatan ke PAMERAN HARI TERBUKA ASWARA**



**Sidang Media**

**6.00 petang**

**Jamuan Minum Petang  
Majlis Bersurai**



# أكاديمية سني بڤدایا دان واریسان کبڤانگساان

## AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN

**POHON BERINGIN** atau **GUNUNGAN** adalah lambang kecemerlangan dalam persembahan Wayang Kulit. Ia dilihat sebagai puncak kejayaan serta payung yang menaungi kehidupan.

Simbol puncak dan naungan inilah menjadi lambang Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan bagi menyatakan ilmu dan seni sebagai elemen yang paling bernilai dalam kehidupan seseorang insan.

Rekabentuk lambang Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan ini telah direkacipta oleh Allahyarham Hamzah Awang Amat, Seniman Negara Pertama.



# LAGU ASWARA

## *Suara Aswara*

Di sini bersemi tunas impian  
Berakar budi budaya zaman  
Yang melahirkan karyawan berilmu  
Sahut cabaran teguh bersatu

Tajamkan pena seindah bahasa  
Lagukan irama rentak pusaka  
Lenggokkan tari pentas seniman  
Layarkan seni catatan warisan

*(Korus)*

Kita laung suara ibunda  
Bergema...  
Gemilang di puncak dunia  
ASWARA...  
Kita junjung budaya bangsa  
Bersama...  
Terbilang dan masyhur namanya  
ASWARA...

ASWARA tetap kan megah berdiri  
Melangkah ke hadapan bersama tradisi  
Tekad semangat penuh jatidiri  
Seni dimartabat bangsa dihormati

ASWARA....

PENULIS : HAIRUL ANUAR HARUN

PENCIPTA LAGU : DATO' JOHARI SALLEH

# SUARA ASWARA

♩ = 90

Lagu : DATO' JOHARI SALLEH  
Lirik : HAIRUL ANUAR HARUN

*f* Di si- ni ber se - mi tu - nas im - pi - an Ber - a - kar bu di bu - da - ya za -  
kan pe na se - in - dah ba - ha - sa La - gu - kan i ra - ma ren - tak ba - ha -

man Yang me - la - hir kan kar - ya - wan ber - il - mu Sa - hut  
sa Leng - gok - kan ta ri pen - tas se - ni - man La - yar -

1. *G7* ca - ba ran te - guh ber - sa - tu 9 *C7* Ta - jam - kan se ni ca - ta - tan wa -  
ri - san Oh AS - WA - RA 12 *B♭* Ki - ta la ung su - a - ra i - bun da Ber - ge - ma  
Ge - mi lang di pun - cak du - ni a Oh AS - WA - RA 15 *F* Ki - ta jun jung bu - da - ya  
bang - sa 18 *C7* Ter - bi lang dan ma syur na - ma nya AS -  
Ber - sa - ma  
WA - RA 21 *C/E(Bass)* te - tap ber - di - ri te - gap *B♭/D(Bass)* Me - lang - kah ke ha - da - pan ber sa ma  
tra - di si 24 *F* Te - kad se - mang at *B♭* pe - nuh ja - ti di - ri *Dm* Se - ni di -  
27 *G7* *C7* *F* *B♭m* *F*

# Sejarah Sepintas Lalu

## AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN

**KEBANGSAAN** ditubuhkan pada tahun 1994 dengan nama asalnya, **AKADEMI SENI KEBANGSAAN (ASK)**, di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia ketika itu. Di dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang diadakan di Universiti Malaya pada tahun 1971, salah satu rumusan yang telah diambil ialah agar sebuah institusi ditubuhkan untuk pembelajaran dalam bidang seni. Di dalam konteks pembangunan negara, kemajuan pendidikan kesenian hendaklah sejajar dengan pertumbuhan ekonomi dan sosial. Matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju perlu didokong bersama oleh penggiat seni tanah air. Pengalaman beberapa buah negara maju seperti Perancis dan United Kingdom membuktikan bahawa pelaksanaan program pembangunan seni yang mantap bukan sahaja memastikan kesenian bangsa dipelihara dan boleh diangkat ke tahap lebih cemerlang, malah bidang seni juga boleh memberikan pulangan ekonomi yang baik kepada penggiatnya.

ASWARA merupakan sebuah institusi pengajian tinggi yang bermatlamat menghasilkan seniman yang mahir dan karyawan yang berwibawa di samping menentukan kesinambungan warisan seni negara. Pada prinsipnya, ASWARA menumpukan pendidikan seni ke arah mengeluarkan "performer" yang kreatif, profesional dan berilmu. Penekanan pembelajaran ditumpukan kepada pendidikan amali bagi memastikan pelajar mencapai tahap kemahiran yang tinggi. Siswazah ASWARA adalah diharapkan dapat menampung keperluan tenaga mahir dalam bidang kesenian dan kemahiran. Ini dapat mengisi keperluan tenaga profesional seperti anggota orkestra, pencipta muzik/lagu, penyanyi, penggubah, pelakon, pengarah, penulis skrip, pendidik seni, penari, koreografer serta kerjaya lain yang berkaitan dengan industri seni kreatif.

## BIDANG PENGAJIAN

ASWARA menawarkan bidang-bidang pengajian berikut pada peringkat Diploma:


FILEM DAN VIDEO  
PENULISAN  
TEATER  
MUZIK  
TARI

ASWARA menawarkan pengajian pada peringkat sijil, diploma, ijazah pertama dan pasca-ijazah dalam bidang seni, budaya dan warisan. Jurusan pengajian masih memfokuskan kepada bidang seni persembahan iaitu penulisan, teater, muzik, tari, filem dan video, dan dengan penambahan kepada pengajian arkib dan muzium.


Penekanan kepada bidang pengajian seni persembahan kerana bidang ini boleh menjana bina insan yang berketrampilan dalam merekabentuk dan merekacipta seni persembahan yang melambangkan imej budaya bagi membentuk jati diri sesuatu bangsa dan membangunkan budaya selaras dengan pembangunan material negara.

Pengajian arkib dan muzium diberi tumpuan kerana penekanan kepada kepentingan dokumen yang bernilai sejarah dan penyimpanan, penggredan, pemeliharaan dan pemuliharaan artifak untuk generasi kini dan akan datang, dan daya tarikan pelancong merupakan rakaman sejarah dan budaya bangsa yang berharga.

Mereka yang bermatlamat dan berwawasan menjadikan seni, budaya dan warisan sebagai wadah perjuangan dan pengembangan ilmu, tentunya mempunyai impian, harapan dan wawasan untuk ikut bersama dalam arus gelombang ilmu di ASWARA, sebagai pelajar, tenaga pengajar, penggiat, karyawan atau sebagai penonton dengan mengikut dan menyertai segala aktiviti yang dipersembahkan.




AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN



SLOGAN

*...melangkah ke hadapan  
bersama tradisi...*





AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN

## Objektif

ASWARA adalah sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang diwujudkan untuk **menyediakan ruang pembelajaran dan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan akademik dan khidmat nasihat profesional dalam bidang seni, budaya dan warisan.**

## Latar Belakang

Penubuhan ASWARA merupakan hasrat terbesar rakyat Malaysia untuk melihat sebuah institusi khusus yang menyediakan sistem pendidikan kesenian yang formal, tersusun, sistematik serta memenuhi keperluan industri kreatif Negara dalam bidang seni budaya dan warisan.

Aspirasi, semangat serta harapan yang dijelmakan melalui Kongres Kebudayaan Melayu Pertama di Melaka ( 30 Disember 1957 – 2 Januari 1958 ) dan Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971, Kuala Lumpur ( 16 – 20 Ogos 1971 ) menjadikan pengwujudan ASWARA bukan semata-mata sebuah institusi masyarakat yang bertanggungjawab mempertahankan jatidiri dan kebudayaan rakyatnya.

Sesuai dengan tuntutan penubuhan, perubahan, visi serta misi membangunkan institusi pendidikan kesenian cemerlang, akademi yang awalnya dikenali Akademi Seni Kebangsaan ( ASK ) 1994 telah dinaiktaraf sebagai institusi pengajian tinggi Kerajaan melalui Akta 653 – Akta Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan 2006. Akta yang dikuatkuasakan mulai 1 Ogos 2006 dan menzahirkan ASWARA melengkapkan harapan menjadikan akademi ini sebagai institusi latihan induk bagi pengajian seni budaya dan warisan di Malaysia.

## Visi

Menjadi sebuah institusi induk pengajian dan latihan seni, budaya dan warisan yang **diiktiraf** dalam negara, serantau dan di peringkat antarabangsa.


## Misi

Menjadi institusi “pembangunan modal insan” dalam bidang seni, budaya dan warisan yang relevan dan bermutu bagi memenuhi keperluan negara;

Melahirkan golongan intelektual, karyawan dan seniman yang berilmu, mahir dan profesional ke arah membangunkan nilai keusahawanan, industri kesenian dan warisan negara;

Menjadi pusat sumber, khidmat nasihat penyelidikan dan eksperimentasi seni, budaya dan warisan.

Menjadi badan pengiktiraf pengamal profesional seni, budaya dan warisan.



## *Mohd Kamrulbahri Hussin*



**MOHD** Kamrulbahri Hussin berasal dari Kampung Bonggil Gelang Mas, Pasir Mas Kelantan dan merupakan graduan kumpulan ketiga Akademi Seni Kebangsaan (ASK) dengan pengkhususan persembahan muzik, iaitu alat perkusi tradisional Melayu dan Barat.

Semasa di ASK, beliau mendapat bimbingan dan tunjuk ajar oleh ramai tokoh seni tanah air, antaranya ialah Seniman Negara Allahyarham Hamzah Awang Amat, Allahyarham Fadzil Ahmad (Raja Gambus), Adiguru Che Mohd Nasir, Ibrahim Senik, Ismail Mamat, Rahim Jantan dan ayahnya sendiri, Hussin Yusoff yang merupakan Tok Puteri dan Tok Dalang di Kelantan.

Selama menjadi pemuzik, beliau banyak terlibat sebagai pemuzik untuk pementasan teater seperti *Jejak Pahlawan* arahan Khalid Salleh, *Member of the Club* arahan Seniman Negara Dato' Syed Alwi, *Anugerah* arahan Rohayah Atan dan *Lantai T. Pinkie* arahan Rosminah Tahir. Selain daripada itu, beliau juga terlibat dalam persembahan *Konsert Tan Sri Dato' SM Salim* bersama Malaysia Philharmonic Orchestra, *Konsert Mini Zainal Abidin*, *Rentak Asia with Steve Thorthon* di Stadium Putra Bukit Jalil, *Philip International Jazz Festival* oleh Sadao Watanabe dan Steve Thornton, *International Dance Festival*, Hong Kong. *Asean Art Camp*, Manila Filipina, *Rythmn In Bronze* (Sunitra Fernando), serta sebagai penyanyi latar dan juga sebagai pemuzik untuk kumpulan Raihan (dalam jelajah Eropah, Sepanyol,

Kanada). Selain itu, beliau juga menjadi pemuzik sempena Konsert Siti Nurhaliza di dalam dan luar negara termasuk di Royal Albert Hall, London.

Pencapaiannya dalam bidang muzik terserlah apabila menjadi pengarah muzik sempena Malam Malaysia di Itali, sempena *Venice Film Festival* untuk *Filem Puteri Gunung Ledang*. Selain itu juga Kamrul pernah menjadi pengarah muzik untuk persembahan muzik asli dan wayang kulit Kelantan Bangsa-Bangsa Bersatu, New York pada tahun 2006. Beliau juga pernah dijemput oleh negara-negara luar seperti Vietnam (2001), Filipina (1996), Indonesia (2002) dan Amerika Syarikat untuk APPEX (2006).

Selain itu, beliau juga pernah menjelajah banyak negara bagi mempersembahkan kesenian Malaysia, sama ada bersendirian atau bersama kumpulan. Antara negara atau bandar-bandar besar lain yang turut dijelajahnya adalah Sweden, Singapura, Thailand, Geneva, Jepun, Spain, Toronton, Italy, New York, Indonesia dan Hanoi.

Kamrul juga banyak membuat rakaman album artis seperti Raihan (*Amin* - 2006), Dayang Nurfaizah (*Kasih* - 2006), Noraniza Idris (*Aura* - 2005), Reshmonu (*Monumental* - 2005), Farid Ali (*MR GAMBUS*-2005) dan Zali Redang pada tahun 2000.

Beliau juga pernah diberi kepercayaan oleh Istana Budaya sebagai komposer muda dalam mencipta dan menggubah lagu baru sempena program *Geeta Gangsa* (2003) melalui lagu yang berjudul *Angin Besi*. Program ini menampilkan ramai komposer terkenal luar negara dan tanah air seperti Supanggah (Indonesia), Mohd Hanafie Imam, Pak Ngah, Mohar, Mohd Yazid Zakaria dan Nahrawi Rasidi.

Selain itu, Kamrul juga pernah membuat rakaman muzik latar atau *sound track* untuk filem seperti filem *Puteri Gunung Ledang* (2004), *Baik Punya Cilok* (2005) dan *Qaisy dan Laila*. Kamrul tidak pernah ketinggalan membuat rakaman alat muzik atau suara beliau dalam muzik untuk iklan seperti iklan *Caltex Raya* (2003), *Coca-Cola* dan *Petronas* (2004).

Setelah berkecimpung dalam dunia muzik terutamanya muzik tradisional, beliau pernah dicalonkan sebagai *Best Solo Performance* dalam *Boh Cameronion Arts Award* pada tahun 2004. Selain daripada itu juga, beliau pernah menerima Anugerah Penggiat Seni Kampus, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada

tahun 2003.

Dalam pertandingan muzik, Kamrul pernah mendapat tempat pertama dalam pertandingan Muzik Asli Peringkat Kebangsaan pada tahun 2002 bersama kumpulan Aslirama Kuala Lumpur (sekarang dikenali sebagai kumpulan ASIKA) dan tempat kedua pertandingan Muzik Akustika Nusantara peringkat Institut Pengajian Tinggi pada tahun 1999.

Selain daripada aktif sebagai pemuzik bebas, beliau juga menjadi pensyarah sambilan atau tenaga pengajar dalam bidang muzik di beberapa buah institusi pengajian tinggi awam dan swasta seperti Akademi Seni Budaya dan Warisan (ASWARA) pada tahun 2003 - 2006, Universiti Malaya (2005 - 2006), Universiti Putra Malaysia (2002 - 2004), UKM (1997 - 2003), Universiti Teknologi Mara (2003 - 2006), Kolej Universiti PTPL (2005), Kolej Universiti Islam Malaysia (2005) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (1998).

Selain itu, Kamrul turut mempunyai syarikatnya sendiri, iaitu Makoba Entertainment, Kamrul Percussion dan Asika Entertainment.

Kebolehan Kamrul yang boleh dibanggakan adalah beliau boleh memainkan hampir semua alat muzik tradisional Kelantan dan ensembel muzik yang terdapat di Malaysia seperti Wayang Kulit Kelantan, Makyung, Dikir Barat, Rebana Ubi, Silat, Main Puteri, Tok Selampit, Kompang, Gamelan, Tak Lempong, Muzik Asli dan Ghazal.



*Siti Jasmina Ibrahim*

**BELIAULAH** penulis paling cemerlang pernah dilahirkan oleh Jabatan Penulisan ASWARA, sejak zaman penubuhan ASK pada tahun 1994. Sebagai pelajar dan graduan Diploma Penulisan Kreatif kumpulan pertama, seangkatan dengan Sabri Mohd. Zain (Samoza), Md. Yusof Ali (Ria Asmira), Shahrul Azli Mohd Shukor, Jaafar Rani dan Noraida Che Mustaffa yang turut mengukir nama sebagai penulis, Siti Jasmina Ibrahim merupakan penulis muda yang cukup menjanak namanya kini, khususnya dalam bidang penulisan novel, cerpen dan drama pentas. Malah, nama beliau lebih terserlah apabila sering memenangi hadiah utama dalam pelbagai peraduan penulisan yang dianjurkan oleh organisasi atau syarikat penerbitan tertentu.

Pada 23 Februari 2007 yang lalu, sekali lagi Siti Jasmina menggegarkan dunia penulisan tanah air, apabila beliau memenangi hadiah utama (tempat pertama bagi kategori Skrip Drama Pentas) dalam Sayembara Mengarang Sempena Perayaan Jubli Emas DBP 2006. Dengan skrip yang berjudul *Hikayat Qaziq* yang setebal 261 halaman, Siti Jasmina telah

berjaya menewaskan beberapa lagi nama besar dalam dunia penulisan drama pentas, seperti Hatta Azad Khan dan Anuar Nor Arai (yang turut memenangi hadiah kedua dan penghargaan). Kejayaan itu melayakkan Jasmina menerima hadiah bernilai RM30,000, hadiah terbesar pernah ditawarkan dalam sejarah peraduan penulisan skrip drama pentas di Malaysia. Turut menerima hadiah penghargaan dalam majlis itu ialah Saloma Mat Lajis, seorang lagi graduan Jabatan Penulisan ASWARA.

Dalam Majlis Penyampaian Hadiah tersebut, Siti Jasmina mendapat penghormatan istimewa apabila tokoh yang menyampaikan hadiah kepadanya ialah Sasterawan Negara Datuk A. Samad Said, antara sasterawan tanah air yang menjadi idolanya selama ini. Majlis yang diadakan di Dewan Bankuet, DBP itu telah dihadiri oleh kira-kira 200 orang tetamu, yang turut menyaksikan penyampaian hadiah kepada pemenang bagi kategori novel, novel remaja, cerpen dan puisi dalam Sayembara yang sama. Di antara tetamu kehormat yang turut hadir ialah Ketua Pengarah DBP, Dato' Dr. Firdaus Abdullah.

Siti Jasmina Ibrahim lahir pada 3 April 1976, mendapat pendidikan menengah rendah di Sekolah Menengah Taman Keramat, Kuala Lumpur sebelum menamatkan pendidikan menengahnya di Maktab Yayasan Pelajaran MARA, Bangi hingga lulus Sijil Pelajaran Malaysia. Beliau merupakan antara pelajar "pelopor" yang menuntut di Akademi Seni Kebangsaan (ketika ditubuhkan pada tahun 1994) dan berjaya memperoleh Diploma Penulisan Kreatif pada 1998. Sejak menuntut lagi beliau telah menubuhkan syarikat SQ Productions Sdn. Bhd. yang menawarkan perkhidmatan penulisan skrip, penerbitan, percetakan serta pengurusan pementasan, publisiti, pemasaran dan yang berkaitan dengannya.


Bakat sebagai penulis telah diperlihatkan oleh Siti Jasmina sejak beliau menuntut di tahun pertama lagi. Skrip drama adaptasinya, *Citra* (karya Arenawati) disiarkan oleh RTM melalui slot Teater Novel pada 1994. Cerpen terawalnya yang mendapat tempat di majalah berjudul *Terowong Silam* yang tersiar di *Dewan Siswa* pada tahun 1995 dan *Kau Teja yang Menyerah* di *Dewan Sastera* pada 1999. Sementara novel pertamanya, *Syariqi* terbit pada tahun 1997 dan novel kedua – *Gadis di Jendela* terbit pada 1998 (kedua-duanya terbitan Fajar Bakti). Selepas itu, karyanya dalam pelbagai genre terbit atau tersiar di dalam hampir semua majalah dan akhbar arus perdana

tanah air. Pencapaiannya bukan setakat itu sahaja, malah beliau telah memenangi sederetan hadiah dan anugerah dalam berbagai-bagai peraduan penulisan yang dianjurkan oleh pelbagai pihak.

Antara hadiah dan anugerah yang pernah dimenangi oleh Siti Jasmina ialah Hadiah Penghargaan Pertandingan Menulis Cerpen Negeri Pulau Pinang-YTL 1996, Anugerah Penulis Muda Paling Berjaya 1998 (KEPEZI), Tempat Kedua pertandingan Komposer TV3 (lirik untuk lagu ciptaan Shiren Jasin), Hadiah Saguhati "Hadiah Drama Berunsur Islam ke-9" (YPI/DBP) 2000, Hadiah Ketiga Pertandingan Penulisan Cereka TV (Finas) 2000, Hadiah Penghargaan (cerpen) "Hadiah Sastera Utusan-Public Bank 1999" (Utusan Melayu/Public Bank), Hadiah Penghargaan (cerpen) "Hadiah Sastera Utusan-Public Bank" 2001, Hadiah Kedua (lakon layar filem cereka) "Pertandingan Penulisan Skrip Filem (Finas) 2001 dan Hadiah Penghargaan (kategori cerpen) Hadiah Sastera Utusan – Exxon Mobil 2002.

Hadiah-hadiah lain ialah Tempat Pertama (kategori cerpen) Sayembara Penulisan Cerpen & Puisi PEN 2003, Hadiah Penghargaan (kategori puisi) Sayembara Penulisan Cerpen dan Puisi PEN 2003, Hadiah Penghargaan (kategori cerpen remaja) Hadiah Sastera Utusan – Exxon Mobil 2003, Tempat Ketiga (kategori novel remaja) Hadiah Sastera Utusan – Exxon Mobil 2003, Tokoh Penulis Remaja (Anugerah Sasterawan dan Ilmuan Negeri Sembilan) 2004, Hadiah Utama (Kategori Kesusasteraan Remaja Genre Novel) Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2002/03, Anugerah Sasterawan dan Ilmuan Negeri Sembilan (kategori Drama Pentas dan Cerpen) 2005 dan Tempat Kedua (kategori novel remaja) Hadiah Sastera Utusan – Exxon Mobil 2005.

Siti Jasmina juga pernah terpilih mengikuti dua kursus di luar negara, iaitu "ASEAN-COCI Youth Friendship Program" di San Pablo City, Filipina (1998) dan "Program Penulisan MASTERA" di Bogor, Indonesia, 2000. Meskipun sudah membina nama sebagai seorang penulis yang berjaya dan dikenali ramai, Siti Jasmina tidak pernah berpuas hati dengan segala pencapaiannya sebelum ini. Demi untuk memperkasakan ilmu yang dimiliki, Jasmina kini sedang mengikuti Program Eksekutif peringkat Ijazah Sarjana Muda Bachelor Komunikasi di Universiti Putra Malaysia. Siti Jasmina yang pernah bekerja sebagai Pengurus Kreatif dan Pemasaran di Uniputra



*A. Aris A. Kadir*

**A. ARIS A. Kadir** anak kelahiran negeri Johor. Beliau merupakan anggota Artis Budaya di Yayasan Warisan Johor sebelum melanjutkan pelajaran di Akademi Seni Kebangsaan yang kini kenali sebagai Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dalam jurusan Diploma Tari.

Beliau bergiat aktif sebagai penari dan koreografer selain menjadi pensyarah di ASWARA khusus dalam bidang Teknik Tarian Tradisional Melayu.

A. Aris A. Kadir pernah juga menyertai program APPEX di Bali, Indonesia yang dianjurkan oleh Universiti California, Los Angeles dengan menggabungkan artis dan penari dari Asia dan Amerika Syarikat. Beliau juga terpilih untuk menyertai Program Darmasiswa anjuran Institut Seni Indonesia, Yogyakarta di mana program ini menempatkan pelajar-pelajar dari Asia dan Eropah.

Beliau banyak memperoleh pengalaman di festival-festival yang dianjurkan sama ada dalam negara mahu pun luar negara seperti Festival Tari di Bangkok, Thailand, China, Jepun, Singapura dan Perancis. Beliau banyak menghasilkan karya-karya bermutu antaranya *Berinai – Jamu 2006*, *Dari Diri Dewi – Jamu 2005*, *Ufuk – Jamu 2004*, *MyDance Festival*, *Mencari Rama – Sanggar Koreografer 2003*, *Galak – Gelombang Baru 2002*, *Main-main – Nanning International Folks Dance Festival 2003* di China dan *Tari 2002*

Selain daripada itu, A. Aris A. Kadir ada menghasilkan tarian secara kolaborasi antaranya *Heart of Zapin* (bersama Rini Endah dari Indonesia), *Gambir Sawit* (bersama Slamet Gundono dari Indonesia) dan *Aldin* (bersama Luginasin dari Filipina).

Selain itu, beliau juga turut terlibat sebagai koreografer untuk pementasan teater seperti *Ali Baba the Musical -2006*, *Opera La Galio - 2003* (Yogyakarta, Indonesia), *Musical Tok Rimau 1 & 2 – 2004*, *Orang Kota Baru – 2003*, *Cyber 5 – 2003*, *Opera Ayu Chendana – 2005* dan *Dari Bintang ke Bintang – 1999*.

Tiada siapa menduga, seorang anak gadis pemalu berasal dari Kuala Terengganu akhirnya akan menjadi seorang pemain alat muzik yang cemerlang di tanah air. Apabila mengambil keputusan untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang muzik selepas menamatkan



Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 1995, dia tidak ragu-ragu lagi untuk memohon masuk ke Akademi Seni Kebangsaan (ASK). Walaupun pada ketika itu ASK baru sahaja memasuki tahun kedua sesi pengajiannya, gadis ini begitu yakin dengan institusi pendidikan seni di bawah

naungan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia ini.

Gadis tersebut, Khor Jee Fei yakin bahawa cita-citanya untuk menjadi seorang pemuzik profesional akan menjadi kenyataan sekiranya mendapat pendidikan secara formal di sebuah institusi yang berwibawa seperti ASK ketika itu. Berdasarkan kelayakan akademik dan bakat yang dimiliki, beliau diterima masuk ke ASK dan memilih alat *harp* sebagai pengajian keduanya, di bawah tunjuk ajar pensyarah Cik Stephanie Shin. *Harp* bukanlah alat muzik yang biasa bagi Jee Fei dan kebanyakan pelajar sepertinya. Namun, atas galakan dan rangsangan daripada tenaga pengajar dan Akademi yang mahu membentuk pemain *harp* baru yang berpotensi, beliau memutuskan untuk memilih alat tersebut.

Berkat usaha, kerja kuat dan bimbingan daripada tenaga pengajar yang tidak pernah mengenal jemu, Khor Jee Fei akhirnya berjaya menamatkan pengajiannya dengan cemerlang pada tahun 1999 dan mula mengorak langkah kerjayanya sebagai seorang pemain *harp* profesional. Bagaimanapun, beliau tidak menganggap pengajiannya tamat setelah menerima Diploma Seni Muzik daripada ASK. Baginya, banyak lagi yang perlu dipelajarinya bagi memastikan permainannya menjadi lebih baik dan sempurna. Justeru itu, pada tahun 2000, Jee Fei berguru pula daripada pemain *harp* utama dalam Malaysian Philharmonic Orchestra (di bawah naungan Petronas) – Sebastian Horrер.

Sejak 1999 Jee Fei sering dijemput sebagai pemain *harp* undangan untuk Orkestra Simfoni Kebangsaan dalam persembahan-persembahan di Istana Budaya terutamanya. Pada tahun 2002, beliau berjaya menerima biasiswa untuk menyertai jelajah Asian Youth Orchestra ke Hong Kong, Jepun, Taiwan dan China. Sewaktu dalam siri jelajah ini, seorang tutor kepada program tersebut, Cik Shannon Chieh telah mencadangkan kepadanya supaya memahirkan lagi permainan *harp*nya dengan berguru kepada seorang pemain *harp* antarabangsa yang sangat terkenal, yang bermain dengan Opera National de Paris, iaitu Cik Catherine Michel. Jee Fei beruntung kerana berjaya dianugerahkan penajaan sepenuhnya selama setahun setengah untuk belajar di Paris.

Sewaktu menuntut di Perancis, beliau juga berpeluang belajar mengenai kaedah Suzuki dalam permainan *harp* daripada pengasas kaedah tersebut untuk kanak-kanak, iaitu Mary Kay Waddington dari Amerika Syarikat.

Mengenai masa depannya, Khor Jee Fei bercita-cita untuk mengembangkan lagi bidang permainan alat muzik *harp* di Malaysia dengan memperkenalkannya kepada lebih banyak orang. Antara persembahan yang pernah diikuti oleh Jee Fei ialah sebagai pemain solo di dalam *Konsert Irama Tanah Pusaka* bersama Orkestra Simfoni Kebangsaan pada tahun 2005 dan dalam pementasan teater *Antara* di Istana Budaya, Kuala Lumpur.



*Khor Jee fei*



**JAWATAN KUASA INDUK  
MAJLIS PERASMIAN KAMPUS  
AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN  
(ASWARA)**

AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN

**Penasihat**

**Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim**  
*Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia*

**Pengerusi**

**Dato' Zakiah Ahmad**  
*Ketua Setiausaha*  
*Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia*

**Timbalan Pengerusi I**

**Dato' Mohammed bin Mohd Daud**  
*Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan)*  
*Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia*

**Timbalan Pengerusi II**

**Encik Nor Azmal Mohd Nazir**  
*Timbalan Ketua Setiausaha (Warisan)*  
*Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia*

**Setiausaha**

**Encik Omar bin Awang**  
*Ketua Pengarah*  
*Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan*

**Ahli-ahli**

**Dato' Norliza binti Rofli** *Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara*  
**Dato' Azhar bin Abu Bakar** *Ketua Pengarah Istana Budaya*  
**Prof Dato Siti Zuraina Abd Majid** *Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara*  
**Tuan Haji Mohd Zawawi Abdullah** *Ketua Pengarah Jabatan Arkib Negara*  
**Dato' Dr. Adi bin Haji Taha** *Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia*  
**Tuan Haji Abdullah Ab. Rahman** *Ketua Pengarah Perbadanan Kraftangan Malaysia*  
**Dr. Saharudin b. Haji Ismail** *Ketua Pengarah Balai Seni Lukis Negara*  
**Puan Siti Zakiah binti Aman** *Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia*  
**Encik Mohd Mahyiddin Mustakim** *Ketua Pengarah FINAS*

**Sekretariat**

**Cik Norizah Arshad**  
*Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)*  
*Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan*

**Puan Habsah Noordin**  
*Timbalan Ketua Pengarah (HEA & HEP)*  
*Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan*



AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN

**SEKRETARIAT DAN JAWATAN KUASA KECIL  
MAJLIS PERASMIAN KAMPUS  
AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN  
(ASWARA)**

**SEKRETARIAT**

**Ketua Sekretariat**

Encik Omar Awang

**Setiausaha Bersama**

Cik Norizah Arshad  
Puan Habsah Noordin

**Penolong Setiausaha**

Encik Mohd Amir Hakim Mohd Yusoff  
Encik Tujeri Shah Abdul Razak  
Cik Reny Rahayu Bt Mohd Razali

**Ahli**

Encik Zakaria Ariffin  
Encik Roslan Imam  
Encik Joseph Gonzales  
Cik Rosminah Mohd Tahir  
Encik Adman Salleh  
Encik Mohd Fadzli Che Rus  
Encik Muzaffar Shah Ahmad Jais  
Encik Zambri Muhammad  
Puan Normah Zakaria  
Puan Norziah Abd Majid  
Cik Umi Mhfuzah Mongib  
Baharuddin Ramli  
Persatuan Bulan Sabit Merah  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur  
Tenaga Nasional Berhad  
Polis Trafik Kuala Lumpur

**JAWATANKUASA JEMPUTAN, SAMBUTAN DAN  
PROTOKOL**

**Pengerusi**

Setiausaha Bahagian Pengurusan Acara, KEKKWA

**Setiausaha Bersama**

Cik Reny Rahayu Mohd Razali  
Puan Sri Rahayu Saad

**Ahli**

Bahagian Pengurusan Acara KEKKWA  
Bahagian Pengurusan KEKKWA  
Jabatan Warisan Negara  
Puan Hafilah Abdullah  
Puan Normah Zakaria  
Puan Norziah Abd Majid  
Puan Rossenah Abd Rani  
Cik Nazmin Azman  
Cik Norazura Abu Bakar  
Encik Ahmad Faisal Baharuddin  
Encik Afzan Mohamed  
Cik Norazlen Zakaria  
Cik Ibtihaj Abdullah  
Cik Zo Faradiva Suleiman  
Puan Rosliza Yusof  
Puan Siti Aminah Hamzah

**Penyambut Tetamu**

Bahagian Pengurusan Acara KEKKWA  
Jabatan Warisan Negara  
ASWARA

## **JAWATANKUASA PUBLISITI**

### **Pengerusi**

Setiausaha Bahagian Pengurusan Acara KEKKWA

### **Setiausaha**

Encik Tujeri Shah Bin Abdul Razak

### **Ahli**

Puan Chee Ah Moi  
Encik Roslee Bin Ahmad  
Cik Siti Zubaidah Awang  
Encik Mohd Fadzli Che Rus  
Encik Muzaffar Shah Ahmad Jais  
Encik Zambri Muhammad  
Persatuan Bulan Sabit Merah  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur  
Tenaga Nasional Berhad  
Polis Trafik Kuala Lumpur

## **PENYELENGGARAAN BANGUNAN**

### **Pengerusi**

Cik Norizah Bt Arshad

### **Setiausaha Bersama**

Encik Azlim Bin Ibrahim  
Encik Abdul Rajik Bin Radjail

### **Ahli**

Encik Mohd Nasrun Mokhtar  
Encik Mazlan Yahaya  
Encik Mohd Affendi Rambli  
Cik Noor Rahayu Mohd Daie  
Daya Angsana Sdn Bhd  
Pensera Sdn Bhd

## **PERSEMBAHAN KHAS**

### **Pengerusi**

Encik Omar Awang

### **Setiausaha Bersama**

Cik Norizah Arshad  
Puan Habsah Noordin

### **Pengarah Persembahan**

Cik Rosminah Mohd Tahir  
Encik Adman Salleh (Filem)  
Encik Hamdan Adnan (Gimik)  
Encik Mohd Kamarulzaman Taib  
Encik Syariful Akma Abdullah (Penyelaras)

### **Pengarah Muzik**

Encik Che Mohd Nasir Yusof (Tradisional)  
Encik Ruslan Imam (Koir)  
Encik Isyam Swardi (Persembahan Dalam ET)

### **Koreografer**

Encik Joseph Gonzales  
Cik Jamaliah Azman (Penyelaras)

### **Penulis Skrip**

Encik Zakaria Ariffin  
Encik Adman Salleh

### **Pengurus Pentas**

Encik Shahrul Mizad Ashaari (Krew, Set & Prop)

### **Sinografer**

Encik Rosman Ishak (Kostum & Solek)  
Puan Eliza Mustafa (Penyelaras)

### **Teknikal**

Encik Azizul Zahid Jamal  
(Tatacahaya, Audio)  
Encik Zulfikri Ismail  
(Pentas Perdana, ET, Luar)  
Encik Norazawana Jurami

### **Makan Minum**

Puan Raja Nor Sheela Raja Aziddin  
Encik Mohd Ghazali Abdullah

### **Urusetia**

Puan Balkis Omar  
Encik Nik Mustapha Nik Mohd Salleh  
Cik Shariffah Mariam Syed Abdullah  
Encik Adika Zainal

## JAWATANKUASA PENERBITAN DAN PENCETAKAN

### Pengerusi

Tuan Haji Mohd Maidin Hussin

### Setiausaha

Encik Zakaria Ariffin

### Ahli

Cik Norizah Bt Arshad  
Puan Noriah Bt Mohd Noor  
Puan Norsuriati Awang  
Encik Mohd Sukarno Abd Wahab  
Encik Mohd Ghazali Abdullah  
Encik Mohd Ridzuan Harun  
Encik Azimi Abdul Shukor  
Encik Nasir Razali  
Encik Zuzairi Othman  
Puan Salmah Osman  
Cik Raja Farah Raja Hadayadanin  
Cik Nor Najwa Azmee

## REKA BENTUK

### Pengerusi

Cik Norizah Arshad

### Setiausaha

Cik Reny Rahayu Mohd Razali

### Ahli

Encik Zuzairi Othman  
Encik Ahmad Muhsin Mubarak  
Encik Mohd Azli Mohd Yusof

## JAWATANKUASA TEKNIKAL

### Pengerusi

Puan Zaiton Bt Desa

### Setiausaha

Encik Abdul Rajik Radjail

### Pen Setiausaha

Encik Jalinazri Bin Jaffar

### Ahli

Encik Mazlan Hashim  
Encik Mohd Anuar Kassim  
Encik Ahmad Azzuddin Yusoff  
Encik Saifulizam Harun  
Encik Muhammad Faizul Johan

## JAWATANKUASA DOKUMENTASI

### Pengerusi

Encik Mohd Mahyidin Mustakim

### Timbalan Pengerusi

Encik Mohd Zulkifli Abd Wahab

### Setiausaha

Encik Adman Salleh

### Ahli

Encik Hassan Asbor Bin Hassan Mutaat  
Encik Ahmad Tarmidzi Selamat  
Encik Zahizan Abd Rahman  
Encik Norazawana Jurami  
Encik Azlim Ibrahim  
Encik Muhamad Syukor Datuk Ibrahim  
Encik Md Hidhir Mohamed  
Encik Shahzuan Mokhtar  
Encik Abd Samad Hassan  
Cik Siti Rahayu Ismail

## JAWATANKUASA PROGRAM MERAKYATKAN SENI

### Pengerusi

Tuan Haji Zaini Nyak Osman

### Setiausaha Bersama

Encik Jeffri Haron

### Ahli

Encik Farman Othman  
Encik Tujeri Shah Abd Razak  
Encik Muhamad Shukri Abd Aziz  
Encik Amirul Azam Ibrahim  
Encik Nazali Wahab  
Encik Khairul Nizam Bakar  
Cik Nazmin Azman  
Cik Nor Azura Abu Bakar  
Encik Afzan Mohamed  
Encik Mohd Sabri Mahmud  
Encik Zambri Muhammad

## **JAWATANKUASA KECERIAAN DAN CENDERAMATA**

### **Pengerusi**

Tuan Hj Abdullah Abdul Rahman

### **Setiausaha**

**Puan Balkis Omar**

### **Ahli**

Tuan Hj Mohd Azmi Ibrahim  
Encik Shahrudin Mohd Nor  
Puan Normadiah Mohd Said  
Puan Azranah Mohd Kadri  
Encik Norhairizam Abdul Manaf  
Puan Norlia Mohd Salleh  
Cik Shariza Mohd Kasmuri  
Cik Shariffah Mariam Bt Syed Abdullah  
Encik Adika B Zainal  
Cik Jamaliah Bt Azman  
Encik Zuzairi Othman  
Puan Eliza Mustafa  
Cik Yusniza Bt Rahman

## **JAWATANKUASA PAMERAN**

### **Pengerusi**

Encik Paiman Kromo

### **Setiausaha**

Puan Jamaliah Mohd Nayan

### **Ahli**

Encik Azmi Ismail  
Encik Eyo Leng Yan  
Cik Fadillah Aini Mohd Yusuf  
Cik Norizah Arshad  
Puan Habsah Mohd Noordin  
Encik Zakaria Ariffin  
Cik Rosminah Tahir  
Encik Adman Salleh  
Encik Joseph Gonzales  
Encik Ramlan Imam  
Puan Norazimah Mohd Yusuf  
Encik Baharuddin Baharin Ramli  
Cik Siti Zubaidah Awang  
Encik Normalrizwan Kamaruddin  
Encik Mohd Adika Zainal  
Cik Jamaliah Azman  
Cik Raja Farah Raja Hadayadanin  
Cik Nur Najwa Azmee  
Cik Nurul Syazwani Ruslan  
Cik Yusniza Rahman  
Encik Azizi Ismail  
Mohd Noor Zairi Salleh

## **MAKAN MINUM**

### **Pengerusi**

Cik Norizah Arshad

### **Setiausaha**

Puan Raja Nor Sheela Raja Aziddin

### **Pen Setiausaha**

En Ahmad Hamzah

### **Ahli**

Puan Wan Salehah Wan Salleh  
Puan Norziah Hj Abdul Majid  
Cik Hamidah Hassan  
Puan Royah Abd Samad  
Puan Rokiah Abd Rahim  
Cik Sagaya a/p Gomez  
Encik Muzaffar Shah Ahmad Jais  
Encik Badrul Hisham Mujib  
Encik Mohd Hanafi @ Mohd Halim Bin Mohd Isa  
Puan Siti Jameyah Abang Karim  
Cik Noremelia Kamaruddin  
Puan Norazimah Md Yusoff  
Encik Zambri Muhammad  
Encik Mohd Sabri Mahmud

# Penghargaan

**YB MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN MALAYSIA**  
merakamkan setinggi-tinggi penghargaan  
kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan  
**MAJLIS PERAMIAN KAMPUS**  
**AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN**  
yang telah disempurnakan pada  
Hari Isnin 9 April 2007 bersamaan 21 Rabiulawal 1428 Hijrah

**Jabatan Perdana Menteri Malaysia**  
**Kementerian Kewangan Malaysia**  
**Kementerian Pelajaran Malaysia**  
**Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia**  
**Kementerian Penerangan Malaysia**  
**Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara**  
**Istana Budaya**  
**Balai Seni Lukis Negara**  
**Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia**  
**Jabatan Muzium Malaysia**  
**Jabatan Warisan Malaysia**  
**Jabatan Arkib Negara**  
**Perpustakaan Negara**  
**Hospital Besar Kuala Lumpur**  
**Pusat Kebudayaan Universiti Malaya**  
**Tenaga Nasional Berhad**  
**Persatuan-Persatuan Kesenian**  
**Pusat Penerangan Pelancongan**  
**Institusi-institusi Pengajian Tinggi**  
**Polis Di Raja Malaysia**  
**Dewan Bandaraya Kuala Lumpur**  
**Media Massa**

**Hak Milik :**



**Perpustakaan Akademi Seni Budaya  
& Warisan Kebangsaan**

...mpulan atau organisasi, yang telah membantu dan  
...menjayakan Majlis Perasmian Kampus Akademi  
...baik secara langsung atau pun tidak langsung...

...lima-lima  
...ang di bawah punggur berdaun  
...ami terima  
...kenangan bertahun-tahun

